

PIAWAIAN PERANCANGAN JPBD 4/97

KAWASAN KOLAM TAKUNGAN  
SEBAGAI  
SEBAHAGIAN TANAH LAPANG



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA  
SEMENANJUNG MALAYSIA

---

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia

Cetakan Pertama 1997  
Cetakan Kedua 1999  
Cetakan Ketiga 2002  
© Hakcipta  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Malaysia

Hakcipta terpelihara.  
Sebarang bahagian dalam laporan ini tidak  
boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara  
yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan  
dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, samada  
dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya  
tanpa kebenaran bertulis daripada  
Penerbit terlebih dahulu.

**ISBN 983-9396-19-6**

KDN : BP/301/22 Jld. 19 SEM/2.

Diterbitkan di Malaysia  
Oleh  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Malaysia.  
Tel : 03-2698 9211 Fax : 03-2692 9994

Dicetak oleh:  
**Misas Advertising**  
No. 7, Jalan 6/23E,  
Taman Danau Kota, 53300 Kuala Lumpur.  
Tel./Fax No: 03-40242004

**Harga : RM20.00**

-6 OCT 2003

NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

APB01113476

TS  
107.12160955  
Gwe  
f

## KATA ALUAN

*Ketua Pengarah*

*Jabatan Perancangan Bandar dan Desa*

*Semenanjung Malaysia*

---



**K**eperluan kawasan kolam takungan menjadi kritikal dan telah dikenalpasti sebagai asas pertimbangan dalam sesuatu pembangunan khususnya di kawasan perbandaran. Ini adalah kerana didapati kadar air larian (*water surface run-off*) adalah lebih tinggi di sesuatu kawasan pembangunan berbanding dengan kawasan yang belum dibangunkan. Langkah-langkah perlu diambil bagi mengawal dari berlaku banjir dan salah satu daripadanya ialah dengan merancangkan sebahagian daripada kawasan tanah lapang untuk menampung kegunaan sebagai kawasan kolam takungan.

Garis Panduan kawasan kolam takungan sebagai sebahagian tanah lapang ini menyediakan kriteria yang perlu diambil dalam menggunakan kawasan tanah lapang untuk keperluan kawasan kolam takungan supaya prinsip asas kawasan tanah lapang sebagai taman awam yang merangkumi taman awam, padang sukan, rekreasi awam, tempat jalan kaki awam sebagai satu tempat awam tidak terjejas. Penyediaan kawasan kolam takungan ini menjayakan elemen penyokong kepada kawasan tanah lapang berkenaan.

Garis Panduan ini merupakan cetakan ketiga disediakan bagi membantu Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan-Jabatan Teknikal dan Pihak Swasta sebagai panduan dalam melaksanakan pembinaan kawasan kolam takungan.

Akhir kata saya merakamkan setinggi-setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua jabatan-jabatan serta agensi-agensi lain yang terlibat di atas kerjasama yang diberikan kerana telah berjaya menghasilkan Garis Panduan Kawasan Kolam Takungan Sebagai Sebahagian Tanah Lapang ini.

**DATU' WAN MOHAMAD MUKHTAR B. MOHD. NOOR**

(D.P.C.M., D.P.M.T., D.P.M.P., J.S.M., P.M.P., K.M.N., A.M.N.)

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0 TUJUAN	1
2.0 LATARBELAKANG	1
3.0 DEFINISI KOLAM TAKUNGAN DAN TANAH LAPANG	3
4.0 PRINSIP PERANCANGAN	4
5.0 GARIS PANDUAN UMUM	4
6.0 GARIS PANDUAN KHUSUS	9

#### Senarai Rajah

Rajah 1 : Kriteria Perancangan Kolam Takungan Dalam Kawasan Tanah Lapang	6
Rajah 2 : Prinsip Perancangan Kolam Takungan Dalam Kawasan Tanah Lapang	6
Rajah 3 : Senarai Kemudahan Alternatif Untuk Mengawal Air Larian	8
Rajah 4 : Jenis Kolam Takungan (Retention And Detention)	8

## **GARIS PANDUAN KAWASAN KOLAM TAKUNGAN SEBAGAI SEBAHAGIAN TANAH LAPANG**

### **1.0 TUJUAN**

Tujuan Garis Panduan ini ialah untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam mengawal penyediaan kolam takungan sebagai sebahagian tanah lapang.

### **2.0 LATAR BELAKANG**

Beberapa langkah struktur dan bukan struktur telah dilaksanakan oleh Kerajaan sebagai saling melengkapi bagi menghadapi dan mengatasi masalah banjir di kawasan bandar. Antara langkah yang diambil termasuk beberapa kerja kejuruteraan seperti pembinaan ban sungai, pembaikan saluran dan lengcungan, serta pelaksanaan sistem amaran dan ramalan banjir yang bertujuan untuk memberi amaran awalan kepada penduduk yang terlibat supaya mereka dapat berpindah ke kawasan yang lebih selamat sebelum banjir berlaku. Bagi meningkatkan lagi usaha dalam menghadapi dan mengatasi masalah banjir, Kerajaan melalui Jemaah Menteri telah mewajibkan pihak pemaju menyediakan kolam takungan bagi pembangunan sesuatu kawasan Perumahan, industri dan pertanian tertentu. Dasar ini adalah merupakan satu penyelesaian yang lebih menyeluruh untuk mencapai pembangunan mampan.

Rasional mengadakan kolam takungan ialah untuk menahan air bagi beberapa jam supaya saluran perparitan dan sungai sempat mengalir air keluar ke lautan tanpa mengakibatkan berlakunya banjir.

Penyediaan kolam takungan sekiranya sesuai dibolehkan sebagai sebahagian daripada 10 peratus tanah lapang yang disediakan daripada keseluruhan kawasan pembangunan. Antara rasional bagi menyokong penyediaan kawasan kolam takungan di kawasan pembangunan perumahan dan industri sebagai sebahagian tanah lapang ialah:

- i. Pembinaan kolam takungan merupakan salah satu pendekatan baru yang dapat mengurangkan masalah banjir di kawasan bandar. Penggunaan perlu digalakan dan diperluaskan;